

# MASA MAIN EMOSI SUDAH

MELAKA 22 Nov. — Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad mahukan seluruh rakyat negara ini berkeupayaan menggunakan akal fikiran sebagai strategi menjadikan Malaysia sebuah negara maju.

Katanya, zaman bermain dengan perasaan telah tamat dan hampir tamat, sekarang adalah masa bagi rakyat memainkan akal fikiran untuk menjadikan bangsa Malaysia sebagai bangsa yang kuat.

Berucap di majlis jamuan negeri di sini malam tadi, Perdana Menteri berkata: "Tujuan saya melawat ke sana sini adalah untuk memberitahu rakyat bahawa masa untuk memainkan perasaan dan emosi telah tamat dan sekarang adalah masa untuk bermain dengan akal fikiran."

Rakyat, katanya, mesti berupaya membuat apa sahaja barangan yang dibuat oleh negara maju untuk menaikkan taraf negara ini kepada negara maju.

Beliau juga berkata, kekayaan sumber alam tidak

dapat menjamin sesebuah negara itu menjadi negara maju tanpa menggunakan akal fikiran untuk membentuk strategi menjadi kaya.

"Banyak negara maju di dunia seperti di Barat dan di Jepun menjadi kaya raya bukan kerana kekayaan sumber alam mereka sebaliknya ada negara yang kaya dengan sumber alam masih di tahap negara membangun," katanya.

Perdana Menteri menjelaskan Malaysia juga kaya dengan sumber alam seperti bijih timah, minyak dan kesuburan tanah tetapi belum menjadi maju.

Oleh itu, beliau mahukan seluruh rakyat menggunakan daya pemikiran, menanamkan sikap yang mulia, sanggup menghadapi cabaran dan berkeyakinan untuk dapat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan negara-negara maju di dunia.

"Kita mempunyai daya kekuatan serta berilmu dan menggunakan ilmu sama dengan masyarakat di

# PERASAAN DAN TAMAT — PM

MM 23 NOV 1985

negara-negara maju," katanya.

Oleh itu, kata Perdana Menteri sekiranya rakyat Malaysia tidak mahu ketinggalan dan terus menjadi negara yang masih membangun, hendaklah mengukuhkan diri dan menggunakan akal fikiran sebagai strategi membangunkan negara.

"Kita hendaklah mengeneipkan emosi yang boleh menimbulkan perpecahan sebaliknya bersatupadu membuat kegiatan-kegiatan yang boleh membangunkan negara," katanya.

Semangat kebangsaan, katanya, walaupun perlu bagi rakyat tetapi adalah perlu berasaskan akal fikiran.

Kita mesti bertanya kenapa negara kita masih di tahap membangun sedangkan banyak negara lain di dunia ini telah mencapai tahap negara maju," katanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah, beliau bersetuju cadangan Ketua Menteri Melaka, Datuk Sri Abdul Rahim Tamby Chik supaya negeri ini di-

jadikan negeri sejarah berdasarkan Melaka kaya dengan kesan sejarah dan kebudayaan.

Bagaimanapun, katanya mengenai permintaan Datuk Sri Abdul Rahim tentang perkara-perkara lain yang ada hubungan dengan menjadikan Melaka sebagai bandar sejarah mesti difikirkan terlebih dahulu.

Datuk Sri Rahim dalam ucapannya sebelum itu mencadangkan kepada Perdana Menteri supaya Bandar Melaka diiktiraf sebagai bandar sejarah bagi negara ini.

Negeri Melaka, katanya, tidak mempunyai kekayaan sumber alam yang lain kecuali kesan-kesan sejarah dan kebudayaan yang boleh digunakan sebagai daya penarik kepada pelancong-pelancong melawat negeri ini.

Beliau juga menyebut, untuk memenuhi hasrat itu, Melaka memerlukan peruntukan khas bagi menjaga dan mengekalkan kesan-kesan sejarahnya.